

BAB 1 WARISAN NEGARA BANGSA

- 1 Konsep negara bangsa telah wujud di Alam Melayu sebelum kedatangan Barat. Bagaimanakah pernyataan tersebut dapat dibuktikan?

ms 4

- A Kelahiran kerajaan Alam Melayu
- B Kemajuan perdagangan antarabangsa
- C Kewujudan hubungan dengan China
- D Kelahiran tokoh berwibawa

- 2 Senarai berikut berkaitan dengan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu.

ms 4

- Raja
- Undang-undang
- Wilayah pengaruh
- Rakyat

Apakah fungsi raja dalam kerajaan Alam Melayu?

ms 4

- A Menetapkan cukai
- B Membina monumen
- C Melaksanakan hukuman
- D Menjadi tonggak kerajaan

- 3 Maklumat berikut merujuk kepada kerajaan-kerajaan Alam Melayu.

- Srivijaya
- Kedah Tua
- Gangga Nagara

Apakah persamaan kerajaan tersebut?

ms 4

- A Menentang kuasa Barat
- B Mengasaskan kerajaan Islam
- C Mewariskan ciri negara bangsa
- D Mempunyai monumen agung

- 4 Gambar berikut merupakan batu bersurat yang terdapat dalam kerajaan Srivijaya.



Inskripsi Telaga Batu

Apakah kepentingan inskripsi tersebut?

ms 4

- A Menceritakan kehebatan kerajaan
 - B Menerangkan tatacara pelantikan raja
 - C Mencatat salasilah keturunan pemimpin
 - D Memperkukuh kesetiaan kepada pemerintah
- 5 Maklumat berikut merujuk kepada undang-undang kerajaan Majapahit.

Kutara Manawa

Mengapakah undang-undang tersebut digubal?

ms 4

- I Menjadi panduan pentadbiran
 - II Meluaskan wilayah pengaruh
 - III Membentuk hubungan diplomatik
 - IV Memastikan kesejahteraan kerajaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan satu upacara yang diamalkan dalam kerajaan Srivijaya.

Minum air sumpahan

Apakah tujuan upacara tersebut dijalankan?

ms 4-5

- A Menyucikan dosa
- B Menzahirkan kesyukuran
- C Membuktikan kesetiaan
- D Merawat penyakit

7 Bagaimanakah rakyat kerajaan Srivijaya membuktikan kesetiaan mereka?

ms 5

- A Melakukan upacara persetiaan
- B Menghasilkan karya kesusuteraan
- C Mengahwini kerabat diraja
- D Membina kompleks kota

8 Maklumat berikut berkaitan Kesultanan Johor Riau pada abad ke-16.

Kesultanan Johor-Riau berusaha meneruskan ciri-ciri negara bangsa yang diasaskan oleh Kesultanan Melayu Melaka.

Apakah aspek yang diberi penekanan oleh kerajaan tersebut?

ms 5

- A Agama Islam
- B Lambang negeri
- C Bahasa pertuturan
- D Khazanah warisan

9 Antara berikut, yang manakah ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka?

ms 6

- I Rakyat
- II Pembesar
- III Perwarisan
- IV Kedaulatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10 Apakah faktor kemunculan sesebuah kerajaan Alam Melayu?

ms 6

- A Penetapan sempadan
- B Kewujudan Raja
- C Kedaulatan undang-undang
- D Pengukuhan lambang-lambang

11 Maklumat berikut berkaitan perubahan gelaran pemerintah Melaka.



Mengapakah berlaku perubahan gelaran tersebut?

ms 6


- A Perluasan kuasa
- B Kedatangan Islam
- C Arahan pemerintah
- D Pertukaran budaya

12 Apakah peranan golongan rakyat dalam Kesultanan Melayu Melaka?

ms 6

- A Menguruskan pentadbiran
- B Melaksanakan undang - undang
- C Mengukuhkan ekonomi
- D Melantik pemerintah

13 Rajah berikut menunjukkan hierarki sosial Kesultanan Melayu Melaka.



Siapakah golongan diperintah?

ms 6

- A Bangsawan
- B Pembesar
- C Hamba
- D Sultan

14 Bagaimanakah sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka diperkukuhkan?

ms 6

- A Mendapatkan pengiktirafan negara jiran
- B Memperoleh nasihat daripada kerajaan lain
- C Melaksanakan sistem Pembesar Empat Lipatan
- D Mengamalkan konsep Raja Berperlembagaan

15 Maklumat berikut menjelaskan maksud kedaulatan.

Lambang kekuasaan tertinggi raja

Apakah kepentingan konsep tersebut dalam perkembangan Kesultanan Melayu Melaka?

ms 6

- A Menentukan hubungan diplomatik
- B Memastikan pelaksanaan undang-undang
- C Mengikat hubungan pemerintah dengan rakyat
- D Merupakan hak mutlak sultan mengawal rakyat

16 Bagaimanakah rakyat mengakui kekuasaan seseorang raja?

ms 6

- I Menguasai kawasan naungan
- II Menjadi nakhoda kapal
- III Menumpahkan taat setia
- IV Mematuhi undang-undang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17 Apakah kepentingan lambang kebesaran berikut?

ms 7

- Nobat
- Regalia

- A Membuktikan keturunan
- B Memperlihatkan keaslian
- C Menunjukkan kedaulatan
- D Menggambarkan kemewahan

18 Mengapakah Kesultanan Melayu Melaka berusaha meluaskan wilayah pengaruhnya?

ms 7

- A Membuktikan kewibawaan pemerintah
- B Melambangkan kehebatan penduduk
- C Memperlihatkan kekayaan negeri
- D Mendapatkan taat setia rakyat

19 Peta berikut menunjukkan empayar Kesultanan Melayu Melaka.



Bagaimanakah Melaka memperoleh wilayah-wilayah tersebut?

ms 7

- I Naungan
- II Anugerah
- III Perjanjian
- IV Perkahwinan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

20 Senarai berikut merupakan wilayah pengaruh kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.

- Pahang
- Kampar
- Rokan

Bagaimanakah kawasan tersebut diperoleh?

ms 7

- A Melalui peperangan
- B Melalui penerimaan ketuanan
- C Melalui perjanjian perdagangan
- D Melalui hubungan persahabatan

21 Bagaimanakah kerajaan Melaka memperoleh wilayah berikut daripada kerajaan Majapahit?

ms 7

Wilayah Siantan

- A Perjanjian persahabatan
- B Hubungan sejarah
- C Pertukaran wilayah
- D Hadiah perkahwinan

22 Apakah kesan pelaksanaan undang-undang berikut kepada Kesultanan Melayu Melaka?

ms 7

- Hukum Kanun Melaka
- Undang-Undang Laut Melaka

- A Kekuatan tentera
- B Pertambahan penduduk
- C Keunggulan kerajaan
- D Pengiktirafan masyarakat

23 Apakah kepentingan lambang berikut?

ms 7

- Adat istiadat
- Nobat
- Cap mohor

- I Identiti kerajaan
- II Keistimewaan pemerintah
- III Simbol kemakmuran wilayah
- IV Lambang kekuatan ekonomi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24 Gambar berikut merupakan lambang kebesaran Kesultanan Melayu Melaka.



Cap Mohor

Apakah kepentingan lambang kebesaran tersebut?

ms 7

- A Mengesahkan arahan sultan
- B Meluaskan empayar kerajaan
- C Memperkukuh ketaatan rakyat
- D Menentukan status kerajaan

25 Apakah kepentingan alat kebesaran berikut?


ms 7



Tengkolok

- A Simbol kekuasaan
- B Simbol kedaulatan
- C Lambang kekuatan
- D Lambang kemewahan

26 Maklumat berikut berkaitan perundangan Kesultanan Melayu Melaka.



Apakah X?

ms 7


- A Undang-undang bertulis
- B Undang-undang tradisi
- C Undang-undang raja
- D Undang-undang adat

27 Siapakah yang diberikan kuasa oleh Sultan Melaka untuk memerintah sesebuah wilayah?

ms 8

- A Ulama
- B Syahbandar
- C Utusan khas
- D Pembesar Berempat

28 Rajah berikut menunjukkan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.



Sistem Pembesar Empat Lipatan

Apakah X?

ms 8

- A Penggawa
- B Syahbandar
- C Ketua Kampung
- D Penghulu Bendahari

29 Apakah yang dimaksudkan dengan 'kawasan pegangan'?

ms 9

- A Kawasan kurniaan raja kepada pembesar
- B Kawasan pungutan kutipan cukai pelabuhan
- C Kawasan pusat pentadbiran negeri
- D Kawasan perdagangan yang pesat

30 Buktikan kebijaksanaan pemerintah Kesultanan Melayu Melaka mentadbir kerajaan.

ms 9

- I Mendapatkan khidmat tentera luar
 - II Membahagikan kawasan wilayah taklukan
 - III Mempunyai sistem pentadbiran teratur
 - IV Mendapat pengiktirafan kerajaan lain
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 31 Ilustrasi berikut merupakan tokoh yang pernah berkhidmat dalam Kesultanan Melayu Melaka.



Bendahara Tun Perak

Apakah peranan beliau dalam sistem pentadbiran Melaka?

ms 9

- A Mengutip cukai di pelabuhan
- B Mengetuai angkatan tentera
- C Menjatuhkan hukuman pesalah
- D Menjaga keselamatan kota

- 32 Pilih pasangan yang betul berkaitan peranan pembesar-pembesar Kesultanan Melayu Melaka.

ms 9

A	Bendahara	Menjadi pemangku sultan
B	Penghulu Bendahari	Mengutip cukai
C	Temenggung	Menjaga keselamatan kota Melaka
D	Laksamana	Panglima Angkatan Tentera Laut Melaka

- 33 Antara berikut perkara yang manakah terdapat dalam Hukum Kanun Melaka?

ms 10

- I Pelayaran
- II Percukaian
- III Ekonomi
- IV Kekeluargaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 34 Maklumat berikut berkaitan dengan peraturan jenayah dalam Hukum Kanun Melaka.

Fasal 4-Hukuman Bunuh

Apakah kesalahan yang boleh dijatuhkan hukuman tersebut?

ms 10

- I Memalsukan titah raja
- II Mengingkari arahan raja
- III Menyamar menjadi pembesar
- IV Mengubah haluan pelayaran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 35 Maklumat berikut merupakan undang-undang yang diguna pakai oleh Kesultanan Melayu Melaka.

- Hukum Kanun Melaka
- Undang-undang Laut Melaka

Mengapakah undang-undang tersebut dipraktikkan?

ms 10

- A Menghargai warisan tradisi
- B Mengetengahkan peranan penduduk
- C Melancarkan urusan pentadbiran
- D Mempertingkatkan pemikiran masyarakat

- 36 Maklumat berikut berkaitan Fasal 6.3 Undang-undang Laut Melaka.


Setiap penumpang kapal akan dikenakan cukai 1/10 hasil penumpang.

Siapakah yang menentukan jumlah cukai tersebut?

ms 11

- A Nakhoda
- B Bendahara
- C Syahbandar
- D Penghulu Bendahari

- 37 Teks berikut merupakan waadat antara Sang Sapurba dengan Demang Lebar Daun.



Sumber: W.G.Shellabear. 1995. *Sejarah Melayu*.
Shah Alam: Fajar Bakti Sdn.Bhd

Apakah yang dimaksudkan dengan waadat?

ms 12

- A Perjanjian antara pemerintah dengan rakyat
- B Penjelasan peranan rakyat dan pembesar
- C Pengukuhan hubungan antara negara
- D Perutusan raja kepada rakyat jelata

- 38 Maklumat berikut merujuk kepada maksud tulah.


Tulah bererti kecelakaan yang menimpa seseorang

Mengapakah seseorang itu boleh ditimpa tulah?

ms 13

- A Melanggar titah raja
- B Membunuh rakyat raja
- C Mengingkari arahan pembesar
- D Melakukan perbuatan jenayah

- 39 Rajah berikut merujuk kepada golongan hamba pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.



Apakah X?

ms 13

- A Hamba abdi
- B Hamba sahaya
- C Hamba berhutang
- D Hamba tawanan perang

40 Perumpamaan berikut merujuk kepada hubungan pemerintah dan rakyat.

“Rakyat itu umpama akar, yang raja itu umpama pohon,
jikalau tiada akar nescaya pohon tidak akan dapat berdiri,
demikian lagi raja itu dengan segala rakyatnya”.

Sumber: W.G.Shellabear.
1995. *Sejarah Melayu*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn.Bhd

Apakah yang dapat disimpulkan daripada perumpamaan tersebut?

ms 13

- A Rakyat perlu mentaati raja
- B Pemerintah menjaga kebajikan rakyat
- C Rakyat menderhaka akan ditimpa tulah
- D Pemerintah dan rakyat saling memerlukan